



21 OCT, 2020

Belanjawan 2021 untuk pulih ekonomi

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Belanjawan 2021 untuk pulih ekonomi

Ambil kira program pembangunan bagi wujud peluang pekerjaan

KUALA LUMPUR

Belanjawan 2021 yang dijadual dibentangkan di Parlimen pada 6 November ini dijangka lebih menjurus kepada pelan pemulihan ekonomi secara keseluruhan selepas menerima kesan negatif daripada pandemik Covid-19.

Ketua Jabatan Penasihat dan Penyelidik Exim Bank, Zabeedah Giw berkata, kestabilan ekonomi menjadi keutamaan bagi semua pihak dalam memacu hala tuju masa depan pembangunan negara ke arah kemampanan.

"Ia perlu mengambil kira program pembangunan masa



Ruang Bicara yang dihoskan Sherkawi (kiri) bersama Zabeedah membincangkan tajuk 'Bajet 2021 Dalam Situasi Politik dan Ekonomi Semasa'.

hadapan untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih mantap, lebih berlandaskan teknologi dan yang dapat mengurangkan risiko atau memberi impak kepada pendapatan sekiranya keadaan seperti ini (Covid-19) terjadi lagi.

"Pada masa sama, kemampanan aktiviti ekonomi juga mengambil kira inisiatif kerajaan sebelum ini, yang telah mewujudkan (program) ekonomi

digital dan Industry4ward (Industri 4.0)," katanya semasa menjadi tetamu menerusi Skype bagi program Ruang Bicara yang disiarkan *Bernama TV* pada Jumaat lalu.

Ruang Bicara yang dihoskan Sherkawi Jirim itu membincangkan tajuk 'Bajet 2021 Dalam Situasi Politik dan Ekonomi Semasa'.

Zabeedah berkata, komuniti perniagaan dan ekonomi itu

sendiri juga perlu mempunyai model ekonomi yang jelas apabila menerima guna teknologi dalam rantaian bekalan perniagaan mereka seperti penggunaan kecerdasan buatan.

"Aspirasi ekonomi itu sendiri perlu menjurus ke arah kecemerlangan dengan ia perlu disokong menerusi penerusan dasar pendidikan sedia ada.

"Inovasi boleh berlaku secara lebih meluas dengan aplika-

si teknologi, dan juga mengambil kira kualiti lepasan pengajian tinggi sekarang dan masa akan datang," katanya.

Beliau berkata, Malaysia juga mengamalkan ekonomi perdagangan, yang perlu disokong dengan kapasiti pembuatan dan pengeluaran yang mencukupi dan inovatif untuk melonjakkan Malaysia ke tahap kematangan perindustrian.

"Penekanan sebelum ini bagi penggunaan Industry4ward dan pendigitalan memberi peluang untuk menerima guna contohnya pembuatan bernilai tambah tinggi ke tahap yang lebih tinggi.

"Di sini saya nampak ia lebih menjurus kepada pencapaian perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk menaik taraf perniagaan mereka. Ia penting kerana PKS adalah lapisan perniagaan yang boleh diukur untuk menjadi juara global daripada juara tempatan," katanya. - *Bernama*



21 OCT, 2020

Belanjawan 2021 untuk pulih ekonomi

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Ambil kira program pembangunan bagi wujud peluang pekerjaan Belanjawan 2021 yang dijadual dibentangkan di Parlimen pada 6 November ini dijangka lebih menjurus kepada pelan pemulihan ekonomi secara keseluruhan selepas menerima kesan negatif daripada pandemik Covid-19. Ketua Jabatan Penasihat dan Penyelidik Exim Bank, Zabedah Giw berkata, kestabilan ekonomi menjadi keutamaan bagi semua pihak dalam memacu hala tuju masa depan pembangunan negara ke arah kemampanan.